


# NTU jaya lancar dua satelit kelima, keenam

Antara enam satelit buatan Singapura yang dilancar dari India



**SATELIT BUATAN SINGAPURA:** TeLEOS-1 ialah satelit cerapan bumi komersial Singapura yang pertama. Ia membawa kamera yang boleh mengambil gambar dan membuat pemantauan bagi keselamatan maritim dan sempadan. — Foto ST ELECTRONICS

UNIVERSITI Teknologi Nanyang (NTU) kelmarin melancarkan dua satelit buatannya yang kelima dan keenam yang berjaya dilancarkan sejak 2011.

Sejak dilancarkan kelmarin, NTU berjaya menghubungi dua satelit itu menerusi radio yang menunjukkan dua satelit itu mula berfungsi, menurut satu kenyataan universiti itu semalam.

Salah satu satelit itu ialah VELOX-CI seberat 123 kilogram yang mengelilingi bumi selama tiga tahun untuk mengkaji iklim tropika Asia dan menguji sistem navigasi baru.

Satelit lebih kecil VELOX-II seberat 12 kilogram pula membawa teknologi "perhubungan mengikut permintaan" yang akan diuji selama setahun.

Pengaruh Pusat Penyelidikan Satelit NTU, Profesor Madya Low Kay Soon, berkata NTU telah melaksanakan teknologi baru dan konsep canggih kepada satelit sekarang dan masa depan yang dirancang.

Dua satelit yang dilancarkan NTU itu merupakan antara enam satelit buatan Singapura yang dilancar ke angkasa lepas dari India malam kelmarin, termasuk satelit cerapan bumi (*earth observation satellite*) komersial Singapura yang pertama.

Menggunakan roket milik Pertubuhan Kajian Angkasa Lepas India (ISRO), satelit itu berlepas dari Pusat Angkasa Satish Dhawan di Andhra Pradesh sekitar 8.30 malam.

Ia kini berada sekitar 550 kilometer dari bumi, dan akan mengelilingi bumi berdekatan khatulistiwa sehingga lima tahun.

Selain satelit NTU, satelit lain dibina syarikat pengeluar pertahanan Singapore Technologies Electronics (ST Electronics); syarikat teknologi angkasa berpangkalan di Singapura, Microspace Rapid; dan Universiti Nasional Singapura (NUS).

Dalam kalangan enam satelit pelbagai saiz itu, satelit paling besar ialah satelit cerapan bumi seberat 400 kilogram, TeLEOS-1.

Ia membawa kamera yang boleh

mengambil gambar dan membuat pemantauan bagi keselamatan maritim dan sempadan.

TeLEOS-1 dibina pasukan yang terdiri daripada saintis ST Electronics, Makmal Nasional DSO dan NTU.

Satelit lain yang lebih kecil dibina oleh NUS, NTU dan Microspace Rapid yang digunakan bagi memantau sekitaran dan memperoleh pelbagai maklumat lain menerusi pendirian jauh.

Ketua saintis pertahanan, Encik Quek Tong Boon, yang menyaksikan pelancaran kelmarin berkata enam satelit baru itu akan membolehkan Singapura menguji keupayaan dan memanfaatkan teknologi angkasa.

Presiden ST Electronics Encik Lee Fook Sun berkata pelancaran itu mengakhiri fasa intensif dan mencabar bagi membina satelit itu, sekali gus memberi jurutera keyakinan membina satelit yang lebih canggih.

Pada 2011, Singapura melancarkan satelit mikro pertama buatan Singapura, X-Sat, ke angkasa lepas.